

## KEGIATAN KELUARGA ALSAGOFF DALAM EKONOMI NEGERI JOHOR

1878 — 1906\*

oleh:

SAADIAH SAID

MENJELANG tahun 1862, Abu Bakar telah menggantikan ayahandanya sebagai Sultan Johor dan pada masa inilah Johor telah dibangunkan dengan pesatnya terutamanya dalam bidang ekonomi. Berkaitan dengan itu, pada masa inilah munculnya peranan yang dimainkan oleh Syed Mohamad Alsagoff (SMA). Sebelum zaman pemerintahan Abu Bakar, segala urusan pentadbiran dan kerabat-kerabat Di Raja Johor tinggal di Teluk Belanga, Singapura. Walaupun pada tahun 1858, Pejabat Kerajaan Johor dipindahkan dari Teluk Belanga ke Johor Bahru, namun kerabat-kerabat Di Raja masih tetap tinggal di sana sehingga tahun 1889. Dalam masa inilah Sultan Abu Bakar telah berpeluang bergaul dengan pedagang-pedagang yang kaya di Singapura dan tidak ketinggalan baginda telah mempunyai hubungan yang begitu baik dengan keluarga Alsagoff iaitu Syed Mohamad Alsagoff, yang merupakan salah seorang dari golongan terkaya dan terkenama di Singapore. Dengan keadaan ini telah dapat menarik keluarga Alsagoff berperanan dengan lebih aktif di Johor. Kita telah difahamkan juga bahawa di Singapura terdapat beberapa buah keluarga Arab seperti *Al-Junied*, *Al-Kaff* dan *Alsagoff*. Tetapi mengapakah keluarga *Alsagoff* dapat menempatkan diri di Johor, tidak *Al-Kaff*, atau *Al-Junied*? Daripada sumber lisan didapati selain dari hubungan yang rapat dengan kerabat Di Raja Johor, *Alsagoff* sememangnya telah menaruh minat terhadap Johor. Manakala *Al-Junied* dan *Al-Kaff* pula lebih berminat untuk meluaskan pengaruh di Singapura dan Indonesia, iaitu Singapura bagi *Al-Junied* dan Indonesia bagi *Al-Kaff*.<sup>1</sup> Tentang bagaimanakah mulanya terjalin hubungan antara SMA dengan Sultan Abu Bakar tidaklah dapat diketahui tetapi apa yang jelas, dari semenjak pemerintahan Sultan Abu Bakar dikatakan bahawa SMA selalu mengiringi baginda ke luar negeri.<sup>2</sup> Oleh kerana hubungan yang rapat ini, maka SMA pernah dihantar oleh Sultan Abu Bakar ke Pahang pada akhir tahun 1887 bersama-sama seorang Datok Menteri Johor untuk menguruskan persoalan mengenai konsesi tanah dan perniagaan di sana.<sup>3</sup> Sebenarnya kedua mereka ini mempunyai minat yang sama terutamanya dalam bidang perniagaan. Menurut D.J.M. Tate,

Among the concessionaries, one of the largest sponsors was the Maharaja who had now found a cheap way of rewarding his own sundry creditors and circumventing his own pressing financial problems.<sup>4</sup>

\*Makalah ini adalah merupakan Bab. 3, dari Latihan Ilmiah yang di kemukakan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 1978/79, bertajuk, "Penglibatan Keluarga Alsagoff Dalam Ekonomi Johor 1878—1926". Makalah ini telah disesuaikan untuk di terbitkan disini. — Pengarang.

<sup>1</sup> Temubual dengan che'gu Shahrom bin Husin pada 25hb. December, 1978.

<sup>2</sup> Temubual dengan Syed Omar Alsagoff pada 4 Nov, 1978.

<sup>3</sup> Keterangan lanjut mengenai konsesi tanah di Pahang ini, sila lihat D.J.M. Tate, *The Making of Modern Southeast Asia*, Vol. 1. Oxford University Press, New York, 1971. h. 136-138. Lihat juga Eunice Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910*, University of Malaya Press, Singapore, 1969, h. 72-77.

<sup>4</sup> D.J.M. Tate., *op. cit.*, h. 136.

Keterangan ini memperkuatkan lagi hubungan antara SMA dan Sultan Abu Bakar kerana SMA selain dari menjadi kawan karib, ia juga telah bertindak sebagai peminjam wang kepada Sultan Abu Bakar yang pada masa pemerintahannya sering melawat ke Eropah. Ini dibuktikan oleh seorang pengkaji dengan katanya,

Sultan Abu Bakar meneruskan hubungan dengan Bendahara Pahang samada untuk mendapat konsesi tanah untuk dirinya atau rakan-rakan perniagaannya ... Ini merupakan satu cara yang mudah dan baik untuk menutup perbelanjaan dan pemborosannya. Dalam hal ini ramai orang-orang telah mendapat hak di Pahang termasuklah Syed Mohamad Alsagoff yang dipercayai telah banyak memberi hutang kepada Sultan Abu Bakar.<sup>5</sup>

Dari keadaan ini tidak hairanlah jika terdapat satu kenyataan yang mengatakan bahawa SMA adalah orang yang banyak menguruskan tentang hal ehwal kewangan Sultan Abu Bakar.<sup>6</sup> Di atas jasa baik sikap dermawan SMA inilah maka pada tahun 1886 beliau telah dianugerahkan *Pingat Darjah Kerabat Johor* (DK). Pingat Darjah Kerabat Johor ini pertama kali dikeluarkan pada tahun 1886 dan SMA merupakan salah seorang daripada enam orang yang telah menerima pingat tersebut.<sup>7</sup> Dari senarai nama keenam-enam itu memperlihatkan bahawa beliau merupakan orang asing yang pertama menerima gelaran DK sedangkan gelaran itu sebenarnya diuntukkan kepada keturunan di raja sahaja. Di sini memperlihatkan bagaimana peranan dan kedudukan SMA di dalam kerabat di raja Johor hingga ia diterima menjadi ahli kerabat di raja.

Hubungan peribadi di antara SMA dan Sultan Abu Bakar Johor telah menarik SMA berperanan lebih jauh lagi di dalam negeri Johor terutamanya di dalam bidang ekonomi. Usaha-usaha pembangunan ekonomi telah dijalankan oleh Sultan Abu Bakar dan baginda telah membuka negeri Johor kepada pengusaha luar yang mampu dan bertenaga untuk membangunkan ekonomi pertanian negeri Johor. Sebenarnya mengikut sumber lisan, Sultan Abu Bakar memang mempunyai polisi yang suka memberikan penghargaan kepada orang-orang yang berbaik-baik dan berbakti terhadap baginda. Penghargaan ini ditunjukkan melalui penganugerahan samada dalam bentuk harta benda seperti tanah ataupun pingat-pingat kebesaran. Contohnya Datok Jaafar yang menjadi Menteri Besar Johor telah mendapat penganugerahan tanah di Bukit Senyum, Mohd. Salleh Perang mendapat tanah di Tepi Pantai berhadapan dengan Selat Teberau dan beberapa orang lagi telah menerima penganugerahan seperti itu.<sup>8</sup> Dalam hal ini tidak ketinggalan juga SMA, beliau telah memohon dari Sultan Abu Bakar supaya menganugerahkan sebidang tanah untuk dijadikan kawasan pertanian.

<sup>5</sup>Eunice Thio, *op. cit.*, h. 75.

<sup>6</sup>Anthony Reid., *The Contest for North Sumatra 1858-1898*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur 1969, h. 256.

<sup>7</sup>Orang-orang yang menerima Pingat Darjah Kerabat Johor ialah:

- i- Yang Mulia Engku Abdullah bin Ibrahim
- ii- Yang Mulia Engku Abdul Majid bin Ibrahim
- iii- Yang Mulia Engku Muhammad Halid bin Ibrahim
- iv- Yang Mulia Engku Ahmad
- v- Yang Mulia Engku Hj. Muhammad
- vi- Syed Mohamed Alsagoff (SMA).

Onn bin Jaafar, *Selamat Johor*, Peringatan Kesyukuran ulang tahun ke 40 Sultan Ibrahim di atas tahta Kerajaan Johor, Johor. 1935, h. 87.

<sup>8</sup>Temubual dengan che'gu Shahrom Husin pada 28 Dis, 1978.

### **Peranan keluarga Alsagoff di Johor dan Alsagoff Concession Kukub.**

Permohonan SMA untuk membuka tanah pertanian telah diluluskan oleh Sultan Abu Bakar dan baginda mengarahkan supaya SMA mencari sendiri kawasan yang dikehendakinya itu. SMA pada masa itu tinggal di Singapura dan dari sana ia memulakan pelayaran menghala ke Barat Johor, tidak ke Timur. Sebenarnya di Timur pada waktu itu sudah diterokai oleh seorang Cina yang kaya iaitu *Wong Ah Fook* yang mendapat konsesi tanah di Mersing dan kawasan itu telah dikuasai oleh Datok Penggawa Timur iaitu di Mersing dan Sedili.<sup>9</sup> Jadi tentulah tidak bijak jika SMA menghalalkan pelayarannya ke Timur. Dalam pelayarannya dari Teluk Belanga ia telah melalui pangairan Kukub dan Pontian untuk mencari kawasan yang sesuai untuk pertanian dan belum diterokai. Oleh kerana tempat ini yang mula-mula dilihatnya maka beliau pun mengemukakan permohonannya kepada *Datok Penggawa Barat* iaitu Datok Abdul Samad bin Ibrahim yang berpusat di Tanjung Kukub. Datok Penggawa Barat berfungsi mentadbirkan kawasan di sebelah barat Johor. Kukub merupakan satu kawasan yang terletak di sudut barat daya Johor dan pada tahun 1878 (1295 Hijrah) Sultan Abu Bakar telah mengurniakan kawasan tersebut kepada SMA yang dipanggil sebagai *Tanah Konsesi Kukub*. Inggeris telah memanggil sebagai *Alsagoff Concession Kukub* dan SMA sendiri telah mengubah namanya kepada *CONSTANTINOPLE ESTATE*. Penganugerahan itu disahkan dengan satu surat perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Abu Bakar sendiri.<sup>10</sup> Dengan terserahnya tanah konsesi Kukub ini bermakna SMA merupakan peneroka yang awal mengusahakan konsesi tersebut untuk dijadikan kawasan pertanian ekspot dan sara diri.

Di dalam surat perjanjian mengenai tanah kurniaan itu terkandong empat belas fasal dan daripada fasal-fasal tersebut dapat di nilai akan kedudukan tanah Kukub dan kedudukan SMA sendiri di Kukub. Daripada kata-kata Sultan Abu Bakar di dalam surat tersebut menunjukkan bahawa tanah itu diberikan dengan percuma tanpa bayaran jual beli atau sebagainya. Kenyataan tersebut dapat dilihat seperti dibawah ini,

Bahawa adalah kita Yang Maha Mulia Maharaja Johor Abu Bakar memiliki kerajaan Johor serta keturunan dan waris-waris ganti kita telah mengurniakan sekeping tanah yang ditepi laut daerah Johor yang disebelah barat iaitu Kukub kepada Syed Mohamed bin Ahmed bin Abdul Rahman Alsagoff selama-lamanya akan menjadi tempat ia bertanam-tanam akan segala rupa tanaman melainkan apion.<sup>11</sup>

Daripada kenyataan di atas, jika kita melihat kepada perkataan selama-lamanya<sup>12</sup> maka tentulah kawasan itu telah menjadi milik kepada SMA dan beliau bebas menentukan dan menguruskan tanah konsesi tersebut. Walau bagaimana pun SMA masih terikat kepada empat belas fasal yang terkandong di dalam perjanjian tersebut. Sungguhpun SMA tidak dikenakan bayaran kerana memiliki tanah Kukub tetapi beliau dikenakan syarat supaya menyerahkan 2½% daripada hasil yang dikeluarkan kepada kerajaan Johor selepas sepuluh

---

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> Lihat SS 1451/21. Salinan Surat Perjanjian Penganugerahan Tanah Konsesi Kukub, 15 March 1906. Arkib Negara Cawangan Selatan (ACNS) Johor.

<sup>11</sup> *Ibid.* Surat perjanjian tanah konsesi Kukub 1878. Mengenai apion yang di maksudkan itu ialah arak dan candu. Walaupun SMA tidak di benarkan menanam apion tapi ia dibenarkan membeli candu dan arak untuk orang-orang atau kuli-kulinnya yang bekerja dan duduk di dalam tanah tersebut seperti fasal 12.

<sup>12</sup> Perkataan selama-lamanya di sini tidaklah mempunyai wibawa sepenuhnya kerana pada tahun 1926, tahun itu telah diserah kembali kepada kerajaan Johor. Tambahan pula jika SMA tidak mengikut syarat ke 8 maka tanah itu boleh ditarik kembali.

tahun pertama dari tarikh penyerahan tersebut. Tetapi syarat ini telah ditarik kembali pada tahun 1888 apabila kerajaan Johor mengeluarkan satu lagi surat arahan yang ditandatangani oleh Sultan Abu Bakar sendiri.<sup>18</sup> di dalam surat ini menyatakan bahawa cukai 2½% yang disyaratkan di dalam surat tanah konsesi asal itu telah di batalkan. Cukai hasil itu tidak akan dikenakan selagi tanah itu tetap menjadi hak milik SMA dan waris-waris keturunannya. Pembatalan cukai ini adalah kerana memandangkan SMA telah terlalu banyak membelanjakan wang di atas tanah dan kebun tersebut, seperti kenyataan di bawah ini:-

....di dalam surat kebun atau tanah yang telah dikurniakan dengan nama Syed Mohamed bin Ahmed Alsagoff yang tersebut tarikh 14hb. Jamadil-awal tahun 1295 (1878) sungguhpun ada tersebut di dalamnya bayaran cukai seratus dua setengah itu tapi dilepaskan dan tiada kena cukai yang demikian seberapa lama pun selagi tanah dan kebun itu tetap dengan nama dan hak Syed Mohamed bin Ahmed Alsagoff tersebut atau keturunannya dan waris-warisnya dari sebab memikirkan terlalu banyak wang yang telah dibelanjakannya di atas tanah atau kebun tersebut.....<sup>14</sup>

Daripada kenyataan di atas membuktikan bahawa SMA telah menggunakan modalnya sendiri dalam melaksanakan perkembangan pertanian di Kukub. Dari satu segi tentulah kita memikirkan apakah jasa SMA di Johor jika tanah yang diusahakan di Kukub hanyalah mendatangkan hasil untuk kepentingan diri sendiri. Tetapi jika kita merenung kembali akan peranan itu maka SMA merupakan orang yang bertanggung jawab kepada perkembangan pertanian di Kukub. SMA telah berusaha mengerjakan kawasan yang berhutan rimba menjadikan satu kawasan pertanian yang mengandungi berbagai-bagai jenis tanaman. Di Kukub, peranan SMA ditekankan sebagai mengembangkan pertanian kerana di dalam syarat perjanjian itu sendiri ada menekankan bahawa tanah kurniaan itu hanyalah boleh digunakan untuk pertanian sahaja dan jika terdapat galian di dalam tanah tersebut, maka galian itu adalah menjadi hak kerajaan. Jika SMA ingin mengusahakannya maka bolehlah ia memohon daripada kerajaan.<sup>15</sup>

Daripada penjelasan di atas jelaslah menunjukkan bahawa segala urusan mengenai tanah Kukub itu adalah terletak di dalam kebijaksanaan SMA sendiri samada dari segi pengurusan tanaman, buruh, modal dan sebagainya. Dari segi modal tentulah tidak mendatangkan masalah kepada SMA kerana beliau merupakan seorang yang kaya iaitu hasil daripada perdagangan dan perusahaannya di Singapura dan di lain-lain tempat di Indonesia, Eropah dan Arab.

SMA bukan saja menerima tanah konsesi pada tahun 1878, tetapi pada tahun 1884 beliau juga telah menerima satu lagi tanah konsesi. Di dalam surat dari B.R. Whitehouse kepada Mr. Drew dan Napier di Singapura pada 1hb. Mach 1923, mengatakan konsesi asal telah diberikan kepada SMA pada tahun 1878 dan tahun 1884 Sultan Abu Bakar telah menghadiahkan beberapa keping lagi tanah kepada SMA. Dua daripada terletak betul-betul di luar daripada sempadan konsesi asal yang diberikan dengan taraf, *Malay Grants*.<sup>16</sup>

<sup>18</sup>Lihat Surat Perjanjian Membatalkan Cukai, 15 March, 1906. ANCS, Johor.

<sup>14</sup>*Ibid.*

<sup>15</sup>Cf. SS1451/21, fasil 4.

<sup>16</sup>Geran Melayu (*Malay Grants*) merupakan geran tanah yang diberikan kepada orang-orang Melayu sahaja dan tidak boleh dihak milikkan kepada bangsa asing. Johor GA 118/1923, Surat dari B.R. Whitehouse kepada Mr. Drew dan Napier, 1.3.1923.

Mengenai keluasan tanah konsesi Kukub tidak pula dinyatakan di dalam surat perjanjian 1878. Namun di dalamnya ada menyatakan sempadan-sempadan tertentu bagi tanah konsesi tersebut. Sutlan Abu Bakar telah menetapkan:-

Adapun sempadannya sebelah timur mudek sungai Permas dan ke baratnya sehingga kanan mudek sungai Pontian Besar dan ke daratnya sehingga kiri mudek sungai Jeram Batu yang di dalam sungai Pulai dan dari situ membawa kepada sempadannya yang sebelah barat yang tersebut yang masuk di dalam sempadan ini akan tanah bakau yang ada pada tepi laut dan tepi sungai yang di tepi sempadan ini.<sup>17</sup>

Gambaran di atas memperlihatkan keluasan tanah konsesi tersebut. Berdasarkan pelan tanah konsesi Kukub tersebut<sup>18</sup> keluasannya dianggarkan lebih kurang 45,000 ekar. Keluasan yang dianggarkan di dalam pelan ini bukanlah berdasarkan kepada sempadan-sempadan sungai tetapi berdasarkan sempadan yang telah dibuat pada tahun 1888. Dengan ini tentulah menunjukkan bahawa keluasannya bukan setakat 45,000 ekar, tambahan pula keluasan yang dianggarkan itu tidak melibatkan tanah yang diberikan pada tahun 1884. Jadi lapuran yang dibuat pada tahun 1924 oleh *Receiver Alsagoff Concession* mengenai keluasan tanah konsesi Kukub ini bolehlah diterima sebagai keluasan yang tepat. Mengikut lapuran tersebut tanah konsesi Kukub mempunyai keluasan sebanyak 60,000 ekar dan kawasan ini termasuklah kawasan Pontian, Kukub dan sebahagian dari Gelang Patah sekarang ini.<sup>19</sup>

Setelah mendapat tanah konsesi Kukub maka sebagai seorang peneroka, SMA pun memulakan usaha untuk memajukan kawasan dengan berbagai jenis tanaman. Secara umum SMA telah mengenalkan tanaman gambir, lada hitam, pinang, rumbia dan kelapa di kawasan tersebut. Manakala pendapat lain pula mengatakan bahawa tanaman seperti getah, sago, kelapa, kopi, koko dan nenas telah ditanam.<sup>20</sup> Mengikut sumber lisan yang ditemui mengatakan tanaman di kawasan ini telah ditanam secara berperingkat-peringkat. Pada peringkat pertama telah ditanam dengan pokok nilam<sup>21</sup>, peringkat kedua pula ditanam dengan kopi, peringkat ketiga ialah sago dan pada peringkat ke empat ialah getah.<sup>22</sup> Pendapat ini mungkin ada kebenarannya kerana tanaman-tanaman inilah yang merupakan tanaman eksport utama negeri-negeri Melayu pada abad ke 19. Manakala getah pula diperkenalkan pada akhir abad ke 19. Namun terdapat pula pendapat yang menyangkal tentang tanaman mengikut peringkat-peringkat ini. Dikatakan bahawa SMA telah menanam tanaman ini secara menyeluruh atau serentak tetapi di kawasan-kawasan yang berbeza.<sup>23</sup> Jadi di sini membuktikan bahawa kesemua tanaman tersebut telah ditanam tetapi nyata sekali bahawa tanaman getah, sago, kelapa, kopi, koko, nenas dan nilam merupakan eksport utama bagi Firma Alsagoff pada masa itu. Hasil pengeluaran dari tanah konsesi Kukub itu telah diuruskan sendiri oleh keluarga Alsagoff

<sup>17</sup> SS 1451/21, *op.cit.*

<sup>18</sup> Lihat Peta tanah konsesi Alsagoff Kukub.

<sup>19</sup> Brief History of the Alsagoff Concession Kukub. Johor GA 253/24, Surat dari Receiver Alsagoff Concession kepada General Adviser, 25/3/1924.

<sup>20</sup> Syed Mohsen Alsagoff., *The Alsagoff Family in Malaysia*, Syed Mohsen Publisher, Singapore 1, 1963, h. 11.

<sup>21</sup> Pokok nilam merupakan sejenis pokok yang digunakan daunnya untuk membuat minyak wangi.

<sup>22</sup> Temubual dengan Mohamed bin Md. Salleh, (Mat Jorah), Pontian, 26 Dis, 1978.

<sup>23</sup> Temubual dengan Che' gu Shahrom bin Husin 28 Dis, 1978.

melalui Firma Alsagoff & Co.<sup>24</sup> Firma ini bertindak sebagai badan pengekspot dan peng-impot bagi hasil keluaran dari Kukub. Hasil-hasil ini kebanyakannya telah dikumpulkan dan diangkut dengan menggunakan kapal-kapal dan perahu melalui sungai-sungai, dan dibawa ke pelabuhan Kukub. Dari pelabuhan Kukub, barulah hasil-hasil ini diangkut ke Singapura. Pada masa ini, jalan raya bagi menghubungkan antara Johor Baharu dan Kukub belum lagi dibina. Oleh itu jalan air merupakan alat perhubungan yang utama pada akhir abad ke 19 ini. Di dalam fasal ke enam surat perjanjian 1874 ada menyatakan bahawa kerajaan akan mengurniakan secukup-cukup tempat jalan di sungai bagi memunggah dan pekerjaan pelayaran untuk barang-barang SMA tersebut.<sup>25</sup> Dengan ini, jika kita lihat peta tanah konsesi Kukub maka jelaslah menunjukkan bahawa Sungai Pontian Besar, Sungai Pontian Kecil, Sungai Jeram Batu, Sungai Permas dan Sungai Air Masin merupakan alat perhubungan yang utama bagi mengumpulkan hasil-hasil yang dikeluarkan. Daripada Singapura barulah barang-barang ini diekspot keluar negeri. Jadi Kukub pada masa itu bolehlah dianggap sebagai tempat mengeluarkan hasil-hasil untuk Singapura. Seorang pengkaji sejarah telah mengatakan:

Singapura pada masa itu mendapat keluaran daripada tempat-tempat yang berdekatan, dengan kekurangan gambir dan lada hitam di pulau itu orang-orang Cina telah bertanam di kawasan yang berdekatan iaitu Johor. Pada tahun 1895, Johor telah mempunyai 3,760 kawasan yang ditanam yang kebanyakannya tanaman kopi, lada hitam dan gambir. terdapat satu lagi kawasan yang mengeluarkan hasil untuk Singapura iaitu Kukub, seluas 4,000 ekar telah ditanam sago dan koko.<sup>26</sup>

Kawasan yang dimaksudkan oleh ahli sejarah ini ialah tanah konsesi Kukub tersebut. Dengan memperdagangkan hasil-hasil dari Kukub ke Singapura, memperlihatkan bahawa SMA bukan saja menjadi tuan tanah mengeluarkan hasil-hasil untuk ekspot malah ia juga melibatkan diri dalam perdagangan hasil-hasil keluarannya. Dalam hal ini, peranannya sebagai pedagang di Johor amat ketara sekali. Menurut Arnold Wright, selain daripada menjalankan perniagaan yang besar dalam lapangan ekspot bagi semua jenis keluaran tempatan dan kayu ke Arab dan Eropah, termasuk juga keluaran getah, sago, kelapa, kopi, koko dan nenas yang dihasilkan daripada estate Alsagoff yang besar di Kukub.<sup>27</sup>

Usaha-usaha SMA mengeluarkan hasil pertanian di Kukub ini juga bukan untuk kepentingan perniagaannya saja malah SMA sebenarnya terpaksa memenuhi syarat-syarat perjanjian 1878 mengenai tanah konsesi itu. Di dalam fasal ke lapan ada menyatakan bahawa SMA mestilah memulakan tanaman sebanyak tiga ratus ekar tanah pada tiga tahun pertama dan seribu ekar di dalam tempuh duabelas tahun yang pertama dari pada tempuh perjanjian tersebut. Daripada kenyataan tersebut memberi maksud, menjelang tahun 1890, seluas satu ribu dekar tanah mestilah sudah diusahakan. Jika SMA gagal berbuat demikian, maka tanah yang belum dicucuk tanam itu boleh ditarik kembali oleh kerajaan. Di sini timbul persoalan sejauhmanakah SMA melibatkan diri di dalam aktiviti pertanian di Kukub? Persoalan ini timbul kerana ternyata setelah mendapat tanah konsesi, SMA tidak tinggal menetap terus di Kukub, tetapi beliau masih tetap tinggal di Singapura iaitu

<sup>24</sup> Syed Mohsen., *The Alsagoff Family*, h. 11.

<sup>25</sup> Cf. SS1451/21, *op.cit.*, fasal enam.

<sup>26</sup> Makepeace., *One Hundred Years of Singapore*, Vol. 2, John Murray, Albemarle Street, London, 1921. h. 81.

<sup>27</sup> Arnold Wright and Copywright., *Twentieth Century Impressions of British Malaya*, Lloyd's Greater British Publishing Company, Ltd. London, 1908. h. 707.

di Bukit Tunggal. Sebenarnya di samping menjadi tuan tanah, SMA boleh juga dianggap sebagai pengurus di tanah konsesi tersebut. Menurut bahan lisan yang ditemui mengatakan SMA tinggal di Singapura dan dalam masa sebulan sekali beliau akan datang melawat estatenya dan tinggal di Banglow yang dibina khas untuk beliau dan keluarganya di dalam estate tersebut.<sup>28</sup> Untuk menguruskan soal tanah yang akan dijadikan tanah pertanian maka SMA telah menjalankan berbagai-bagai cara. SMA merupakan orang yang bertanggong jawab kepada perkembangan estate-estate dan kebun-kebun kecil di tanah konsesi Kukub.

Sebelum SMA tiba di Kukub, tempat itu merupakan satu kawasan yang berhutan rimba dan belum diteroka. Keadaan ini tentulah tidak menggalakkan orang-orang tinggal di sini. Kalau ada pun, mungkin terdapat orang-orang laut yang tinggal di tepi-tepi pantai. Jadi bagaimakah SMA menguruskan kawasan Kukub hingga menjadi satu kawasan pertanian yang berhasil. Di sini timbul peranan buruh untuk mengusahakan dan membersihkan kawasan yang berhutan itu. SMA telah bertanggongjawab kepada kemasukan orang-orang Jawa ke Kukub yang bekerja sebagai buruh dan petani. Ada pendapat yang mengatakan, buruh-buruh di Kukub terdiri daripada lebih kurang dua ratus orang yang bekerja di estate Alsagoff.<sup>29</sup> Adakah anggaran ini tepat atau tidak, akan dapat dilihat dari perbincangan seterusnya. Mengenai buruh-buruh seperti ini R. Levy yang mengkaji tentang struktur Islam, ada menyebut tentang sistem penggunaan buruh yang telah diamalkan oleh penanam Arab negeri-negeri di Selat Pulau Kukub.<sup>30</sup> Buruh-buruh itu kebanyakannya terdiri dari bumiputra Hindia Timur Belanda yang telah membuat pelayaran ke Mekah. Oleh kerana telah menggunakan semua wang yang ada dan tidak mempunyai wang untuk menampung perbelanjaan balek ke Indonesia, maka mereka telah dibantu oleh penanam Arab tersebut. Sebagai bayarananya maka orang-orang Jawa ini mestilah menjadi buruh kepada penanam tersebut sehingga hutang-hutang mereka selesai.<sup>31</sup> Penanam Arab yang dimaksudkan di sini tidak lain dan tidak bukan ialah Syed Mohamed Alsagoff. Mungkin juga kenyataan R. Levy mengenai amalan ini adalah berkait dengan kajianya yang mengkaji tentang struktur ugama Islam .... Walau bagaimanapun keadaan, SMA perlu melakukan sesuatu untuk memenuhi kekurangan buruh di estatenya. Secrang ahli sejarah Belanda pula mengatakan, Firma Alsagoff adalah merupakan sebuah firma Arab yang mempunyai estate di Pulau Kukub yang berdekatan dengan Singapura. Di sebabkan kekurangan buruh-buruh untuk bertanam di pulau itu maka telah menyebabkan firma ini melibatkan diri dalam mengikat perjanjian dengan orang-orang yang pergi ke tanah suci. Mereka ini sememangnya kekurangan wang dan tidak dapat balek ke negeri asal mereka.<sup>32</sup> Firma Alsagoff ini membayar kos pelayaran ke Tanah Melayu dan orang-orang ini akan terikat untuk bekerja di estate Kukub dalam masa yang telah ditetapkan. Inilah yang selalunya disebut sebagai *buruh kontrek* yang bekerja di dalam ladang SMA.<sup>33</sup>

<sup>28</sup> Temubual dengan Mat Joriah, 26 Dis, 1978.

<sup>29</sup> Arnold Wright., *op. cit.*, h. 707.

<sup>30</sup> Terdapat beberapa orang ahli sejarah seperti R. Levy dan J. Vredenbregt menulis sebagai Pulau Kukub. Hal ini mungkin juga mereka sendiri kurang pasti tentang tanah konsesi Kukub atau mengaitkan Kukub dengan sebuah pulau yang terdapat berhadapan dengan tanah konsesi tersebut. Pulau ini memang dinamakan Pulau Kukub tapi kegiatan buruh-buruh ini terdapat di tanah besar Kukub.

<sup>31</sup> R. Levy., *The Structure of Islam*, Cambridge University Press, America, 1969. h. 58.

<sup>32</sup> Biasanya orang-orang yang pergi ke Tanah Suci Mekah mempunyai sedikit wang tunai di tangan mereka kerana mereka takut dirampas semasa dalam perjalanan atau di Mekah. J. Vredenbregt., "The Haddj", *Bijdragen Tot de Taal, Land-en Volkenkunde*, Vol. 118, pt. 1-4, 1962. h. 128.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 128.

Di dalam kajian ahli sejarah mengenai orang-orang Jawa di Tanah Melayu membutki-kan bahawa menang terdapat ramai orang-orang Jawa yang telah berhijrah ke rantau ini. Kajian ini menunjukkan bahawa orang-orang Jawa ini telah datang ke sini dan semakin bertambah pada suku akhir abad ke 19. Dikatakan bahawa sejumlah besar orang-orang Indonesia terutamanya orang-orang Jawa telah datang ke Tanah Melayu. Mereka ini samada bekerja sebagai buruh pajak, buruh bebas atau petani-petani peneroka. Kadang-kadang mereka hanya singgah saja ke Tanah Melayu dalam pelayaran ke Mekah.<sup>34</sup> Di sini memperlihatkan, keinginan mengambil *haji* ini merupakan pendorong utama kepada penghijrahan orang-orang Indonesia ke negeri-negeri Melayu. Di samping itu juga faktur faktur tarkan di negeri-negeri Melayu seperti ekonomi yang sedang berkembang pesat, telah menggalakkan kemasukan mereka. Dari kenyataan yang diberikan di atas, maka dapat dikatakan bahawa buruh yang dikatakan oleh R. Levy itu boleh disamakan dengan *buruh pajak* atau *buruh kontrek*. Kedua-dua istilah ini berkait dengan hutang yang patut dijelaskan kembali kepada SMA. Oleh itu mereka ini terpaksa memberikan tenaga mereka untuk ladang-ladang SMA, di Kukub. Selain dari buruh-buruh yang berhutang yang didapati dari Mekah, SMA juga mendapatkan buruh-buruh Jawa daripada Singapura. Singapura merupakan pangkalan bagi mengumpulkan orang-orang Jawa dan daripada sinilah mereka disebarluaskan ke negeri-negeri Melayu untuk mendapatkan pekerjaan sebagai buruh. Menurut W.R. Roff, dalam tempuh lima tahun iaitu di antara tahun 1886 hingga 1898, terdapat kira-kira 21,000 orang Jawa telah menanda tangani perjanjian dengan badan-badan penaong orang-orang Tionghoa di Singapura.<sup>35</sup>

Walau bagaimana pun tujuan utama ikatan buruh pajak ini adalah untuk memenuhi kekurangan buruh di estate Alsagoff. Kemudiannya, kontrek ini telah berubah di mana lebih menumpukan kepada perkhidmatan semata-mata untuk keselamatan orang-orang yang hendak pergi ke Mekah. Mereka ini merupakan orang-orang yang telah meminjam wang daripada Alsagoff. Fungsi meminjamkan wang ini menjadi lebih penting lagi di mana merupakan satu lagi usaha perniagaan Alsagoff. Pinjaman ini biasanya diper-tanggung jawabkan secara kolektif iaitu tiga hingga lapan orang dalam satu kumpulan. Apabila kembali dari Mekah mereka dimestikan membayar hutang dalam masa-masa tertentu yang telah ditetapkan. Jika mereka gagal berbuat demikian maka terpaksalah mereka bekerja di estate Kukub untuk menebus hutang-hutang mereka.<sup>36</sup> Di sini memper-lihatkan, tujuan keluarga Alsagoff melibatkan diri di dalam perniagaan peminjaman wang adalah juga berkait dengan tujuan untuk mendapatkan buruh kerana beliau sedar bahawa buruh-buruh ini tidak akan dapat membayar hutang mereka dalam masa yang telah ditetapkan.

Dalam membicarakan buruh-buruh berhutang ini, ada pendapat yang mengatakan bahawa sebenarnya jumlah mereka ini tidaklah begitu ramai. Misalnya, daripada sepucuk surat dari Consul-General Belanda di negeri-negeri Selat pada tahun 1889<sup>37</sup> mengatakan daripada sejumlah 200 orang Jawa di Indonesia yang menuaikan *haji*, mengikut kontrek dengan Alsagoff, boleh dikatakan semuanya telah menebus hutang-hutang mereka di dalam masa dua minggu kecuali sepuluh orang. Sepuluh orang ini telah tinggal di Kukub untuk menebus hutang mereka, tapi kemudiannya di dalam beberapa bulan mereka telah

<sup>34</sup> W.R. Roff., *Origins of Malay Nationalism*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967, h. 45.

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 48.

<sup>36</sup> J. Vredenbregt, *op.cit.*, h. 128.

<sup>37</sup> Surat bertarikh 16hb. April 1886, daripada Consul-General Belanda di negeri-negeri Selat kepada Gabenor General Belanda di Hindia. *Ibid.*, h. 129.

dapat membayar hutang dengan bantuan orang besar mereka. Di dalam surat ini juga menunjukkan bahawa kebanyakan buruh-buruh Indonesia di estate itu tidaklah terikat kerana hutang dengan Alsagoff. Hal ini ada kemungkinannya kerana terdapat juga buruh-buruh yang datang dari Indonesia itu disebabkan oleh kemiskinan hidup di sana. Mereka telah mendengar cerita daripada orang-orang yang balek ke Indonesia bahawa Tanah Melayu merupakan negeri yang kaya dan ini telah menambahkan minat mereka untuk ke rantau ini. Di kalangan mereka ini terdapat orang-orang yang telah menetap terus di Johor dan ada juga yang telah kembali ke Indonesia.<sup>38</sup> Contohnya daripada empat ratus orang buruh-buruh Indonesia, terdapat hanya lapan puluh orang tidak me-nebus hutang mereka. Kebanyakan orang-orang Jawa ini telah menyewa lot-lot tanah yang kecil dan menanam kopi, sago, nilam, nila atau indigo dan lain-lain tanaman.<sup>39</sup>

Fungsi Firma Alsagoff sebagai peminjam wang semakin jelas pada dekad terakhir abad ke 19. Firma ini telah mengeluarkan '*Contract-tickets*' yang berfungsi sebagai penyelamat untuk wang tunai. *Contract-tickets* ini diberikan dalam bentuk pinjaman kepada orang-orang yang menunaikan haji. Cara ini dilakukan khususnya bila buruh-buruh di estate Kukub semakin bertambah dan fungsi sebagai peminjam wang menjadi fungsi yang utama.<sup>40</sup>

Sebenarnya keluarga Alsagoff telah bertindak sebagai ajen pengambilan haji sejak awal kedatangan mereka ke Singapura. Kenyataan ini disahkan oleh seorang pengkaji sejarah dengan katanya, firma Alsagoff telah menguruskan kebanyakan orang-orang yang hendak naik haji tiap-tiap tahun.<sup>41</sup> Misalnya dalam tahun 1874, '*Alsagoff Singapore Steamship Company*' telah mengambil seramai 3,476 orang-orang ke Mekah dan 2,250 orang daripada jumlah tersebut adalah daripada Indonesia.<sup>42</sup> Selepas estate Kukub dibuka usaha-usaha membawa orang-orang ke Mekah diteruskan lagi oleh SMA untuk *kepentingan buruh-buruhnya sendiri*. Kenyataan ini ada kebenarannya kerana dari sumber lisan yang ditemui mengatakan Alsagoff telah bertanggung jawab membawa buruh-buruhnya ke Mekah dengan belanja dan kapalnya sendiri.<sup>43</sup> Hal ini mungkin juga merupakan satu daya tarikan untuk buruh-buruh bekerja di ladang Alsagoff. Roff juga ada menekankan bahawa usaha-usaha yang berhubung dengan pengambilan haji dan kerja-kerja yang bersangkutan dengannya dipegang oleh orang-orang Arab dan salah satu daripada mereka ialah keluarga Alsagoff.<sup>44</sup> Mereka inilah yang telah mengatur perjalanan bakal-bakal haji ini diempatan atau pun di Mekah. Pelayaran ke Mekah menggunakan kapal kapal layar yang mengambil masa selama tiga bulan untuk sampai ke Mekah. Selepas tiga bulan menunaikan haji, mereka terpaksa mengambil tiga bulan lagi untuk sampai ke Johor.<sup>45</sup> Jadi tiap-tiap pengambilan haji memerlukan masa selama sembilan bulan.

Kukub pada masa itu merupakan satu kawasan yang luas yang meliputi kawasan-kawasan yang dikelilingi oleh Sungai Permas, Sungai Pontian Besar, Sungai Jeram Batu

<sup>38</sup> Temubual dengan Hj. Mohd. Som bin Omar, (Jawa) pada 1 Nov, 1978 dan Mat Jorih, 26 Dis. 1978.

<sup>39</sup> J. Vregeborgt, *op.cit.*, h. 128.

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 129.

<sup>41</sup> Arnold Wright, *op.cit.*, h. 707.

<sup>42</sup> Anthony Reid, *op.cit.*, h. 148.

<sup>43</sup> Temubual dengan Mat Jorih, 26 Dis, 1978.

<sup>44</sup> W.R. Roff, *op.cit.*, h. 50.

<sup>45</sup> Temubual dengan Mat Jorih, 26 Dis, 1978.

dan juga tepi pantai Kukub hingga ke Pontian. Dalam kawasan yang terlalu luas meliputi 60,000 ekar itu, tentulah memerlukan pentadbiran dan pengurusan yang cekap untuk menjadikannya satu kawasan pertanian yang produktif. Gelaran *Constantinople Estate* untuk tanah konsesi itu sebenarnya ada kaitannya dengan latar belakang kehidupan SMA itu sendiri. SMA mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan Turki hinggakan beliau telah dikurniakan sebuah pingat Kerabat di Raja Turki atau dipanggil *Osmaniah Order*. Osmaniah merupakan keturunan di Raja Turki yang terakhir sebelum Turki menjadi sebuah kerajaan Republik di bawah Jeneral Mustaffa Kamal. Sebelum Turki bertukar kepada kerajaan Republik, Turki mempunyai kekuasaan yang besar hingga melintasi ke laut Mediteranean dan Saudi Arabia. Constantinople atau kemudiannya ditukar dengan nama Istanbul merupakan ibu negara kerajaan Turki di bahagian Barat. Besar kemungkinan SMA telah mengambil sempena nama bandar ini untuk dijadikan nama estatennya di Kukub.

Tanah yang begitu luas tidak dapat diusahakan oleh SMA seorang diri dengan sepenuhnya. Ternyata berdasarkan kepada pelan tanah konsesi tersebut, terdapat beberapa plot tanah di dalam konsesi itu. Di antara tahun-tahun 1878 hingga 1895, SMA telah membuka sebuah estate yang dinamakan *Estate Air Masin* yang meliputi kawasan seluas 2,000 ekar dan 300 ekar di Rambah.<sup>46</sup> Di kawasan inilah telah di tanam dengan berbagai-bagi tanam seperti yang telah disebutkan iaitu nilam, kopi, sago dan getah.<sup>47</sup> Kawasan ini terletak di Sungai Air Masin dan Sungai Permas iaitu berhadapan dengan pulau Kukub.<sup>48</sup> Menurut sumber lisan, di dalam estate inilah terdapatnya tempat tinggal SMA dan rumah pekerja-pekerja serta kemudahan-kemudahan lain seperti mesjid, sekolah, kedai dan rumah merawat orang-orang sakit. Di estate ini juga terdapat bekas-bekas tinggalan lama seperti kolam merendam sago, penumbuk kopi, tempat salai getah dan lain-lain lagi.<sup>49</sup> Di samping mengusahakan estate dengan menggunakan kebanyakan buruh-buruh Jawa, di dapati beberapa bahagian tanah Alsagoff itu telah disewakan kepada individu-individu tertentu untuk mengerjakannya. Lebih jelas lagi, SMA telah memberi penempatan-penempatan kepada pengikut-pengikutnya dalam bentuk *small holding* atau kebun kecil. Tindakan ini telah dimulakan pada tahun 1896 dimana SMA telah mengadakan satu sistem sewa untuk pekebun kecil tersebut. Sistem sewa ini diteruskan sehingga tahun 1909 dan pungutan sebanyak 1/10 bahagian daripada jumlah hasil yang telah ditetapkan, dilancarkan dengan cara berkesan dan sistematik pada tahun-tahun 1900 hingga 1907.<sup>50</sup> Satu bukti yang nyata menunjukkan kegiatan pembahagian kebun-kebun kecil ini dijalankan ialah dengan perjumpaan satu surat perjanjian di antara SMA dengan seorang Jawa mengenai satu plot tanah di kawasan Rimba Terjun di dalam kawasan Alsagoff ini. Berdasarkan surat perjanjian tersebut, kawasan seluas empat ekar telah diserahkan kepada seorang Jawa bernama *Mimtu bin Taib* (ميمتو بن طيب).<sup>51</sup> Surat perjanjian ini bertarikh 5hb. Julai, 1903, ada menyatakan bahawa SMA sampai kepada waris-warisnya akan membenarkan Mimtu bin Taib dan waris-warisnya untuk bercucuk tanam semua

<sup>46</sup> Johor GA 253/24. Surat dari Receiver Alsagoff Concession Kukub kepada General Adviser Johor 25 Mac, 1924.

<sup>47</sup> Temubual dengan Mat Joriah 26 Dis, 1978.

<sup>48</sup> Lihat Peta Tanah Konsesi Alsagoff, Kukub.

<sup>49</sup> Temubual dengan Mat Joriah 26 Dis, 1978 dan Che'gu Shahrom 28 Dis, 1978.

<sup>50</sup> GA 253/1924. Surat dari RAC Kukub kepada GA Johor 25.3.24.

<sup>51</sup> Lihat Surat Perjanjian antara Syed Mohamed b. Ahmad Alsagoff dengan Mimtu bin Taib, 5 Julai, 1903 ANCS, Johor.

jenis tanaman kecuali candu dan arak. Si penerima tanah mestilah mengikut arahan yang ditetapkan oleh SMA kerana segala perbelanjaan menebang dan menebas adalah dikeluarkan oleh SMA. Penyerahan ini sebenarnya tidak dikenakan apa-apa bayaran atau pun dilakukan dalam bentuk jual beli tetapi penerima tanah mestilah menyerahkan 1/10 bahagian daripada jumlah hasil yang didapat kepada SMA dalam bentuk cukai hasil. Sembilan bahagian lagi adalah menjadi hak pengusaha tanah tersebut. Sebenarnya penyerahan ini merupakan satu bentuk sistem pajakan kerana di dalam surat perjanjian tersebut ada dinyatakan báhawa perjanjian itu berjalan selama 99 tahun dari tarikh penyerahan tersebut. Walau bagaimana pun tanah yang dimiliki dengan cara ini boleh dipindah milik melalui syarat-syarat yang ditentukan. Semua perjanjian yang disebutkan dalam penyerahan pertama hendaklah dipatuhi dan penukaran nama pemilik itu mestilah didaftarkan kepada SMA. Dengan adanya kebenaran ini maka tidak hairanlah jika pada 7hb. September, 1907, tanah milik Mimto ini telah dipindah milik kepada seorang Melayu bernama Haji Ismail bin Yunus dengan bayaran sebanyak \$100.<sup>52</sup> Sesungguhnya kuasa yang diberikan oleh Sultan Abu Bakar kepada SMA terlalu besar. SMA bukan saja dibenarkan membuka tanah yang luas dan dikecualikan dari cukai hasil malah SMA juga berhak untuk memajakan tanah tersebut kepada orang lain. Inilah juga merupakan salah satu cara untuk memajukan tanah konsesi Kukub itu supaya mendatangkan hasil pertanian. Ini juga membuktikan akan kebenaran keterangan yang diberikan oleh J. Vregevregt yang mengatakan bahawa tidak semua orang-orang Jawa di Kukub itu bekerja sebagai buruh berhutang yang terpaksa menebus hutang mereka tapi terdapat juga buruh-buruh bebas yang diberi hak untuk mengusahakan tanah sendiri. Di samping estate sendiri dan kebun-kebun kecil, SMA juga telah mengenalkan Kukub kepada orang-orang Eropah. Pengusaha-pengusaha Eropah telah mula berminat di kawasan Kukub ini kerana mereka sedar bahawa mereka akan boleh mendapatkan keuntungan jika mereka melabur modal di sini. Hal ini terbukti apabila dalam tahun 1906 iaitu sebelum kematian SMA, beliau sempat memberikan sewaan beberapa kawasan yang masih berhutan di Kukub kepada pengusaha-pengusaha tersebut. Sewaan pertama sebanyak sepuluh ribu ekar yang disewakan kepada *Hevea Rubber Company* dengan tempuh selama dua ratus tahun. Manakala sewaan kedua seluas lima ribu ekar telah diberikan kepada *Peneiro Planting Syndicate* dengan tempuh sewaan selama sembilan puluh tahun. Disyaratkan juga iaitu tiap-tiap estate mestilah membayar cukai sebanyak dua setengah peratus daripada hasil-hasil yang dikeluarkan. Tanaman utama yang dikeluarkan dari kedua-dua estate ini ialah getah, dimana getah pada masa itu telah menjadi tanaman yang paling utama dan telah diperkenalkan di Johor sejak akhir abad ke 19.<sup>53</sup>

Selain dari itu SMA juga telah memberikan hak menebas-tebas kepada ramai orang-orang Jawa dan setelah selesai menebang-tebas, mereka diberi hak mengerjakan tanah tersebut untuk dijadikan kawasan pertanian hingga tempoh 99 tahun. Hal ini terbukti dengan terjumpanya *keterangan surat tebang* yang dikeluarkan oleh SMA.<sup>54</sup> Di dalam keterangan surat tebang itu ada menyebutkan iaitu jika dalam tempuh enam bulan, kerja menebang-tebas itu tidak dapat disempurnakan pekerjaannya, maka SMA berhak mengambil semula tanah tersebut dengan tiada didakwa dakwi.<sup>55</sup> Lebih jelas lagi, tanah itu akan dirampas tanpa membuat sebarang kenyataan dan tidak boleh dituntut kembali.

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> Johor GA 253/1924. Surat dari RAC Kukub kepada GA Johor, 25.3.1924.

<sup>54</sup> Surat-surat menebang tebas hutan kerana membuat kebun di dalam kawasan Alsagoff di Rimba Terjun Pontian. *Kumpulan surat-surat pelbagai* yang disimpan oleh Setiausaha Kerajaan Johor, no. 223. (KSSP)

<sup>55</sup> Lihat Salinan Surat Keterangan Tebang 10 Feb., 1917. ANCS, Johor.

Orang-orang yang telah ditemui tercatit di dalam surat tebang-tebas tersebut diberi hak untuk menebang-tebas dan mengerjakan tanah untuk berbagai jenis tanaman. Hak menebang-tebas ini banyak diberikan terutamanya pada tahun-tahun antara 1913 hingga 1917 iaitu setelah SMA meninggal dunia. Nama-nama yang tercatit di dalam surat tersebut dapat dilihat seperti di bawah ini:

**Di Pontian Kecil:**

Ibrahim bin Hj. Abdullah  
Hassan Warjo  
Abdullah Muthi bin Hj. Hussain  
Hj. Omar bin Amat Imam  
Rajamun Satawi  
Hj. Omar  
Harun bin Jisakas Tawi  
Kumat Ustad bin Hassan Rais  
Sukiban bin Rasu  
Ikhwan Bandung  
Bahari bin Surit  
Abdul Samad Tarum  
Likin bin Amat Nawi  
Mar bin Anus  
Tariman bin Amat  
Surya bin Musa  
San Ahmad Abd. Rahman  
Osman bin Hassan  
Kadimin bin Saudinawi  
Dalilah binti Hj. Salleh  
Amuksiah binti Hj. Marzuki  
Sarinam binti Wangsa  
Sarima binti Hassan  
Hj. Salleh Nawi

**Di Rimba Terjun:**

Takimen bin San Muari  
Permin bin Amat Amin  
Selamat bin Murtawi  
Hassan Rawi bin Cerah  
Marlikawi bin Minta Siminta  
Bawi bin Karme  
Salib bin Karto  
Rakinan binti Samad  
Hassan Mukmin bin Hassan Ketawi<sup>56</sup>

Sempadan-sempadan untuk tiap-tiap satu kawasan mereka ini biasanya ditanda oleh parit.

Dari keseluruhannya jika dilihat berdasarkan hak-hak, kebebasan bertindak yang diberikan oleh Sultan Johor kepada SMA maka dapatlah dikatakan bahawa beliau pada masa itu seolah-olah merupakan seorang pemerintah yang bebas. Dengan ini tidak hairan-

---

<sup>56</sup> KSSP. S.223, Kesemua orang-orang ini merupakan orang-orang Jawa.

lah jika terdapat beberapa bahan lisan yang ditemui mengatakan bahawa SMA boleh di anggap sebagai seorang raja di tanah konsesi itu.<sup>57</sup> Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan terjumpanya *wang kertas* yang dikeluarkan oleh keluarga Alsagoff. SMA telah diberikan hak istimewa oleh Sultan Abu Bakar untuk mencipta wangnya sendiri pada tahun 1870an. Di dapati wang ini hanya digunakan di dalam estate Alsagoff sahaja kerana pada mata wang tersebut ada dicatitkan nama *Constantinople Estate*. Mengenai mata wang yang telah diedarkan oleh SMA adalah terdiri daripada empat jenis mutu iaitu \$2.00, \$1.00, 50 sen dan 25 sen.<sup>58</sup> Setiap satunya mengandungi tulisan-tulisan dalam bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan India di Kiri-kanan, atas dan bawah. Tulisan-tulisan menunjukkan nilai mutu wang tersebut supaya dikenal oleh semua bangsa. Reka bentuk wang ini telah dicap oleh sebuah pencitak persendirian di Singapura yang dipanggil *A'l Sa'adi Press, Singapura*. Ke empat-empat matawang ini diedarkan buat pertama kalinya pada 1hb. Mei, 1878 iaitu dua bulan setelah SMA menerima tanah konsesi Kukub. Pada keseluruhan gambaran matawang tersebut, di bahagian depannya direka bentuk dengan begitu cantek sekali dan terdapat reka corak daun bunga yang berempat segi di sekelilingnya. Di tengah-tengah corak itu terdapat empatseggi bujur yang mengandungi jenis mata wang tadi. Di dalam dan pada sebelah atasnya terdapat pula bulan sabit dan bintang yang diapit dengan jenis mutu dalam lengkungan empat segi. Di bawahnya tertera 1hb. Mei, 1878, Kukub serta angka siri wang yang diedarkan itu. Di tengah-tengahnya pula di dalam tulisan jawi tertulis *Dengan kebenaran Duli Yang Maha Mulia Maharaja Johor*. Di bawah sedikit, tertera nama estate itu, yang diikuti dengan perkataan *Pemberian tunai kepada kuli-kuli yang membawa not ini*. Seterusnya terdapat dua barisan tempat tanda-tangan atau cap resmi tuan yang mengeluarkan wang tersebut iaitu S.M. Alsagoff, Singapura.

Di belakang wang kertas ini walaupun tidak tertera sebarang tulisan tetapi di dapat corak bilah ketupat yang memberi erti jenis mutu yang tersebut yang mungkin untuk kemudahan orang-orang yang buta huruf untuk mengenalinya. Sungguh pun reka bentuk ini seakan-akan sama pada tiap-tiap jenis mutu kecuali corak pemidang empatseggi itu saja dibuat berlainan antara satu dengan lain yang berkemungkinan untuk membekakan tiap-tiap jenis mutu wang tersebut.

Ukuran wang Alsagoff ini juga di dapati berlainan antara satu dengan lain. Sebagai contoh, wang jenis mutu \$2.00, berukuran 134 milimeter (mm) panjang dan 105 mm lebar; wang jenis mutu \$1.00 berukuran 127 mm panjang dan 106 mm lebar, wang jenis mutu 50 sen pula berukuran 134 mm panjang dan 110 mm lebar dan akhirnya wang jenis mutu 25 sen mempunyai ukuran 126 mm panjang dan 113mm lebar. Walaupun mempunyai ukuran yang berlainan namun tidaklah diketahui apakah muslihat di sebaliknya. Di samping ujudnya perbezaan dari segi ukuran didapati wang tersebut juga mempunyai warna yang berbeza. Misalnya warna merah tua atau perang untuk wang \$2.00, hitam untuk wang \$1.00, merah untuk wang 50 sen dan hijau untuk wang 25 sen. Matawang ini sekarang amat sukar didapati kecuali terdapat di Muzium Negara.

Tujuan SMA mengeluarkan wang persendirian itu adalah untuk memudahkannya membayar gaji kepada kuli-kuli dan untuk kegunaan berjual beli di dalam kawasan estate Alsagoff. Sebenarnya tanah konsesi Kukub pada masa itu telah dibentuk seperti sebuah perkampungan yang lengkap dengan segala keperluan sehari-harian. Keadaan ini seolah-

<sup>57</sup> Temubual dengan Che'gu Shahrom, Mat Joriah dan Hj. Mohd. Som.

<sup>58</sup> Cf. Contoh wang "Constantinople Estate" dalam Lampiran 6,7,8 dan 9, Saadiah Said, "Penglibatan Keluarga Alsagoff Dalam Ekonomi Johor," Tesis, Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978-79.

olah merupakan satu perkampungan yang tertutup atau terpisah dari tempat-tempat lain menyebabkan kesemua orang yang tinggal di dalam kawasan itu hanya membelanjakan wang disekitar tempatnya sahaja. Mereka tidak perlu keluar ke tempat lain untuk mencari barang-barang keperluan. Dengan cara ini memudahkan lagi bagi SMA untuk mencitak wangnya sendiri. Tambahan pula wang ini tidak bernilai jika digunakan diluar daripada kawasan Kukub seperti di Johor Bahru atau Singapura. Dengan sebab inilah maka ada orang yang berpendapat bahawa wang ini boleh dianggap sebagai kopon yang digunakan untuk pertukaran barang-barang.<sup>59</sup> Dalam perkara ini juga, dapat menunjukkan akan kepintaran SMA kerana dengan cara ini wang yang diedarkan itu akan kembali juga kepadaanya.

Sebenarnya hak mengeluarkan matawang persendirian ini bukan saja diberikan kepada SMA yang berada dibahagian barat Johor pada waktu itu tapi diberikan juga kepada seorang bangsa Cina bernama Wong Ah Fook yang mendapat tanah konsesi di sebelah timur iaitu di Mersing. Malangnya wang itu tidak dapat ditemui lagi sehingga ke hari ini.<sup>60</sup>

Daripada keterangan-keterangan yang diberikan di atas memang tidak dapat dinafikan bahawa SMA boleh dianggap sebagai seorang pemerintah yang bebas atau lebih dari itu dianggap sebagai raja di situ. Namun dalam beberapa hal ia terpaksa juga tunduk di bawah arahan kerajaan Johor. Misalnya di atas masaalah kuli-kuli Jawa di Kukub yang telah dinyatakan dahulu. Oleh kerana ada kuli-kuli Jawa yang dibawa dari Singapura ke Kukub maka pehak pemerintah di negeri-negeri Selat berhak untuk mengawal keadaan buruh-buruh ini, tambahan pula SMA sendiri merupakan rakyat negeri Selat yang ber mastatutin di Singapura. SMA telah diarahkan oleh Datok Abdul Rahman Andak iaitu Datuk Sri Amar Diraja supaya menyempurnakan aturan menyimpan buku-buku ingatan kuli-kuli dan lain-lain di kebun Kukub itu. Tujuan kerajaan Johor mengarahkan SMA berbuat demikian adalah kerana Tuan Anthony yang menjadi Majistrate Singapura juga bertindak selaku pelindung kepada kuli-kuli telah diperintahkan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, dengan kebenaran Sultan Johor supaya memeriksa hal kuli-kuli dalam pemerintahan Sultan Johor yang terdiri dari berbilang bangsa.<sup>61</sup> Di sini memperlihatkan bahawa walaupun bebas menguruskan kebun dan kuli-kulinya namun kesejahteraan dan keselamatan kuli-kuli juga perlu dijaga.

Selain dari itu SMA juga terpaksa menyediakan kira-kira kebun Kukub itu bagi kepentingan Gabenor Negeri-Negeri Selat. Di sini juga membuktikan bahawa SMA masih terikat dengan pemerintah Johor dan Gabenor Negeri-Negeri Selat. Bukti yang nyata menunjukkan bahawa SMA mesti menyediakan kira-kira Kukub itu dijumpai dari surat Datuk Abdul Rahman Andak yang meminta SMA menyediakan kira-kira Kukub seperti yang dibuat oleh orang-orang Inggeris. Menurut surat tersebut SMA sebenarnya telah menyediakan kira-kira yang telah diperiksa terlebih dahulu oleh Datuk Sri Setia Raja sebelum dihantar kepada Gabenor Negeri-negeri Selat. Tetapi kira-kira ini dikatakan mempunyai kaedah "catitan yang berlainan dengan aturan-aturan yang dibuat oleh estate-estate lain. Datuk Abdul Rahman Andak takut jika kira-kira itu tidak akan difahami oleh Gabenor

<sup>59</sup> Temubual dengan Che'gu Shahrom Husin.

<sup>60</sup> *ibid*

<sup>61</sup> Report Tuan Anthony, Magistrate Singapura berkenaan kuli-kuli Jawa di Kukub. Surat dari Abdul Rahman Andak Datuk Sri Amar Diraja kepada Habib Mohamed Alsagoff, 10/10/1896. Buku Salinan Surat-Surat Datuk Menteri dan Setiausaha Kerajaan Johor 1891-1899. no. 472.

Negeri-Negeri Selat. Oleh itu maka SMA diarahkan supaya membuat kira-kira kebun Kukub yang lain dengan mengikut aturan kebun orang-orang Inggeris.<sup>62</sup>

Hingga ke akhir abad ke 19, perhubungan melalui jalan air masih merupakan alat perhubungan yang penting dan Alsagoff juga banyak menggunakan kapal-kapal layar dari Singapura ke Kukub. Segala hasil yang didapat dari estate di Kukub ini diangkut ke Singapura dengan menggunakan kapal-kapalnya sendiri. Walaupun kapal-kapal dan perahu ini kepunyaan Alsagoff, namun beliau terpaksa juga menggunakan pass atau keterangan belseyari pada tiap-tiap kali hendak berlepas dari sebarang tempat atau pelabuhan di Johor. Johor mempunyai lima pelabuhan pada masa itu dan satu peraturan mengenai pelayaran yang menggunakan pelabuhan-pelabuhan tersebut telah dikeluarkan. Satu kenyataan di dalam surat Abdul Rahman Andak ada mengatakan:

Ada pun aturan yang ada berjalan sekarang segala kapal-kapal dan perahu (yang lain daripada sebarang kerajaan pun dengan memakai bendera kerajaan atau kenaikan sulit seperti kapal-kapal dan perahu-perahu makan angin) hendaklah semuanya mengambil pass atau keterangan belseyari pada tiap-tiap kali hendak berlepas dari sebarang tempat atau pelabuhan dalam jajahan Johor sama ada kapal atau perahu itu membawa tumpangan atau sewaan atau tidak maka demikian kapal-kapal yang digunakan di antara Singapura dengan kebun di Kukub itu sekiranya pun sekali bukan kapal tambang akan tetapi oleh sebab ada dipakai kerana membawa dagang daripada barang-barang tanaman atau membawa orang pergi datang dengan aturan seperti kapal tambang juga hendaklah mengambil keterangan belseyari tersebut (samada berjawatan atau tidak).<sup>63</sup>

Walau bagaimana pun ini bukanlah bermakna SMA dikenakan cukai hasil tanaman tapi semata-mata keterangan belseyari saja. Ini terbukti di dalam surat Abdul Rahman Andak yang menyentuh tentang ketiadaan cukai:

Ada pun hal pada masa ini tiada diambil cukai oleh kerajaan atas barang-barang tanaman yang keluar dari kebun di Kukub hak Yang Mulia Syed Mohamed Alsagoff itu tiada berkenaan dengan aturan ini kerana bayaran yang diambil kerana keterangan belseyari itu bukannya sekali cukai bagi tanaman.<sup>64</sup>

Jadi SMA mestilah patuh dan terikat kepada undang-undang yang dibuat oleh kerajaan Johor. Dalam tahun 1906 SMA telah meninggäl dunia. Namun usaha-usaha pertanian keluarga Alsagoff tidaklah terhenti setakat itu saja. Berdasarkan kepada surat wasiatnya SMA telah mengistiharkan bahawa tanah Kukub itu termasuk di dalam jagaan trustee atau wakilnya untuk menguruskannya. Mereka itu ialah Syed Abdul Kadir<sup>65</sup> dan Syed Omar bin Mohamed Alsagoff.<sup>66</sup>

<sup>62</sup> Kira-kira kebun di Kukub dikehendaki diperbuat dengan aturan-aturan kebun orang puteh. Surat dari Datuk Abdul Rahman Andak Datuk Sri Amar Diraja kepada Habib Mohamed Alsagoff. Buku Salinan Surat-Surat Untuk Menteri Dan Setiausaha Kerajaan Johor 1891-1899. No. 476.

<sup>63</sup> Diminta jawab surat Syed Abdul Kadir dengan aturan sulit di atas perkara kapal SMA yang keluar masuk Kukub. Surat dari Abdul Rahman Andak kepada Datuk Yahya Al-Datar D.P.M.J. 24/7/1896. Buku salinan surat-surat Datuk Menteri dan Setiausaha Kerajaan Johor. No. 417.

<sup>64</sup> *Ibid*

<sup>65</sup> Syed Abdul Kadir bin Abdul Rahman Alsagoff merupakan rakan pengurusan di dalam firma Alsagoff & Co. di Battery Road Singapura. Ia telah ditembak mati pada pulak 7.00 malam di anjung rumahnya di Bukit Timah Road, pada 18hb. April, 1907. *Straits Times* 19hb. April, 1907.

<sup>66</sup> Syed Omar bin Mohamed Alsagoff merupakan anak saudara kepada Syed Mohamed bin Ahmed Alsagoff dan telah menjadi trustee kepada estate Alsagoff. Ia lahir pada tahun 1850 di Mekah dan mengantik SMA sebagai pemilik firma Alsagoff & Co. Ia juga menjadi pemilik tanah, pedagang, ejen estate, ejen ke Mekah yang mempunyai pejabat di Singapura dan Jeddah. Syed Mohsen Alsagoff, *op.cit.* h. 15.

Selain daripada ekonomi pertanian terdapat juga bukti-bukti yang menunjukkan bahawa SMA ingin melibatkan diri di dalam usaha perlombongan. Di dalam surat yang ditemui didapati SMA melalui peguamnya sendiri di Singapura iaitu Messr. Donaldson dan Burkinshaw telah menguruskan masaalah konsesi perlombongan. Pada 15hb. Ogos, 1889 sultan Johor ada memberikan satu konsesi perlombongan pada SMA dalam bentuk sewaan selama 99 tahun.<sup>67</sup> Malangnya keterangan lanjut tentang konsesi perlombongan ini tidak dijumpai.

Bukan setakat di Kukub, malah SMA juga berhasrat untuk mendirikan rumah-rumah sewa di Muar. Daripada bukti surat yang ditemui menunjukkan bahawa Engku Osman yang menjadi Datok Tanah di Muar telah membenarkan SMA mendirikan rumah-rumah sewa di atas sebidang tanah tetapi Datuk Abdul Rahman Andak masih ragu-ragu tentang kebenaran daripada tuan tanah itu sendiri. Samada rumah sewa itu dapat didirikan atau tidak, tidaklah dapat dipastikan kerana tiada dijumpai perkembangan lanjut mengenai pembinaan rumah-rumah sewa ini.<sup>68</sup>

Sebagai kesimpulannya dapat dikatakan bahawa SMA merupakan salah seorang daripada orang-orang yang banyak memainkan peranan di Johor terutamanya dalam bidang ekonomi pertanian dan melibatkan perdagangan. Dengan kehadiran keluarga Alsagoff di Johor terutamanya di Kukub telah dapat membangunkan kawasan yang berhutan rimba itu menjadi sebuah kawasan yang menghasilkan berbagai-bagai tanaman ekspot dan sara diri. Usaha-usaha pertanian dan perdagangan SMA di Johor merupakan satu cara untuk memenuhi dan membantu pemodenan dan kemajuan ekonomi yang memang sedang giat dijalankan oleh sultan Abu Bakar. Di dalam bab yang akan datang akan diperlihatkan pula kesan dan perkembangan lanjut hasil dari aktiviti keluarga Alsagoff di Johor khususnya di Kukub. Dengan adanya Alsagoff di sini telah menggalakkan kemasukan para pendatang terutamanya orang-orang Jawa. Keluarga Alsagoff juga telah membuka Kukub kepada dunia luar iaitu para pengusaha. Akhirnya menjadikan Kukub sebagai tempat rebutan para pengusaha untuk dijadikan kawasan perladangan getah. Sebagai menilai peranan yang dimainkan oleh SMA maka tidak boleh tidak kita akan menerima hakikat bahawa beliau merupakan peneroka yang awal dalam memajukan Kukub sebagai kawasan pertanian yang utama dalam mengeluarkan berbagai-bagai jenis tanaman.

<sup>67</sup> Surat dari Donaldson dan Burkinshaw kepada Datuk Bentara Luar. 2.6.1891. Kumpulan surat-surat pelbagai yang disimpan oleh Setiausaha Kerajaan Johor. No. S 39.

<sup>68</sup> SMA mencadangkan hendak mendirikan rumah sewa di Muar di atas tanah yang dicagarkan oleh Engku Osman kepadanya. Surat dari Abdul Rahman Andak kepada Datuk Muhammad bin Mahmob. 8/12/1896. Buku Salinan surat-surat Datuk Menteri dan Setiausaha Kerajaan Johor, 1891-1899. No. S 496.